

27/05/1998

Menteri arah siasat kes murid

Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa - Ketua Pengarah Kesihatan hari ini diarah menjalankan siasatan berhubung kematian murid tahun satu di Hospital Kuala Lumpur (HKL), kelmarin, yang didakwa berikutan kecuiaan Hospital Raub tidak memberi rawatan sewajarnya.

Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, berkata beliau sudah mengarahkan Tan Sri Dr Abu Bakar Suleiman berbuat demikian bagi mengetahui perkara sebenar.

Dalam kejadian itu, Subramaniam a/l Krishnan, 7, murid tahun satu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (T) Ladang Cheroh, Raub, mati disebabkan pendarahan dalam otak selepas terjatuh dari kerusi ketika memadam papan hitam di sekolahnya.

Pada awal kejadian, mangsa dibawa ke Hospital Raub dan hanya menerima rawatan sebagai pesakit luar bagi luka yang dialami di lehernya.

Mangsa bagaimanapun dirujuk ke HKL oleh Hospital Raub apabila mengalami sesak nafas pada waktu malam, hari yang sama.

"Kita akan buat kajian dan siasatan berhubung perkara ini. Saya sudah meminta Ketua Pengarah membuat siasatan dan mengemukakan laporan maklum balas kepada saya," katanya pada sidang akhbar mengenai Ekspo Cintai Malaysia 1998, di sini, hari ini.

Sementara itu, Chua berkata, kementerian juga mengambil bahagian dalam Ekspo Cintai Malaysia, anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur dan Selangor, di Pusat Pameran Mines, Sungai Besi, pada 10 hingga 19 Julai depan.

Kementerian itu, katanya, akan mengetengahkan pelbagai aspek berhubung sektor perubatan dan kesihatan.

Pameran yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka disertai 700 pengusaha dan pengeluar barangan tempatan itu bertujuan mempromosikan barangan tempatan, mengurangkan kebergantungan kepada barangan import dan menggalakkan pengilang tempatan meneroka pasaran antarabangsa.

Di samping itu, pameran itu juga bertujuan meningkatkan kesedaran rakyat mengenai kebaikan membeli barangan dan perkhidmatan tempatan di samping dapat membantu memulihkan ekonomi negara.

(END)